

Nestlé Catat Keputusan Kukuh Bagi Sembilan Bulan Pertama *Diterajui Prestasi Jenama Berdaya Maju & Inovasi*

SOROTAN PENTING

- Jana Perolehan lebih tinggi berjumlah RM4.2 bilion, peningkatan sebanyak 4.8%.
- Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak RM23.9 juta, daripada RM511 juta kepada RM535 juta.
- Keputusan dipacu oleh prestasi kukuh jenama-jenama utama & sentimen pengguna yang lebih baik.
- Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim kedua RM0.70 sesaham.

PETALING JAYA, 30 Oktober 2018 – Nestlé (Malaysia) Berhad sekali lagi mencatatkan prestasi mantap, dengan prestasi hasil dan untung yang lebih tinggi untuk tempoh sembilan bulan pertama bagi tahun kewangannya yang berakhir 30 September 2018.

Tinjauan prestasi: Sehingga tarikh semasa, 2018 berbanding tempoh sama pada 2017

Bagi sembilan bulan pertama, Kumpulan mencatatkan perolehan berjumlah RM4.2 bilion, iaitu 4.8% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Keputusan ini dipacu oleh sentimen pengguna yang lebih baik dan kejayaan usaha inovasi dan penambahbaikan.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Kami gembira kerana sekali lagi berjaya mencatatkan keputusan memberangsangkan untuk suku ketiga serta sembilan bulan pertama. Keputusan ini diterajui oleh prestasi kukuh jenama-jenama utama dan juga kejayaan berpindah ke Pusat Pengedaran Nestlé kami yang baharu.”

“Selama sembilan bulan pertama tahun ini, pelbagai inovasi produk telah berjaya menyumbang kepada perolehan keseluruhan Kumpulan. Secara khususnya, rangkaian Mi MAGGI mencatatkan pertumbuhan kukuh, disumbangkan terutamanya oleh variasi Pedas Giler. Kami juga menggembirakan rakyat Malaysia dengan pelancaran produk lain seperti Aiskrim Perisa Yogurt Tropicana Laici Nestlé, MILO 3-dalam-1 Kurang Gula dan NESCAFÉ Cold Brew,” tambahnya.

Pertumbuhan perolehan serta margin lebih tinggi menghasilkan peningkatan Untung Kasar daripada RM1.48 bilion kepada RM1.61 bilion, iaitu kenaikan 8.6%. Untung Operasi juga meningkat sebanyak 7.7% daripada RM673 juta kepada RM725 juta. Keputusan cemerlang ini dicapai walaupun perlu menanggung perbelanjaan sekali untuk pemindahan Pusat Pengedaran Kebangsaan (*National Distribution Centre – NDC*) Nestlé baharu pada suku kedua. Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak RM23.9 juta, daripada RM511 juta kepada RM535 juta.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menambah nilai bagi pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim kedua RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Penilaian Prestasi: Suku 3, 2018 berbanding Suku 3, 2017

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2018, hasil Kumpulan meningkat sebanyak 8.3%, daripada RM1.32 bilion kepada RM1.43 bilion berbanding S3 2017. Pertumbuhan ini dipacu oleh jualan domestik dan eksport yang kukuh. Pelaksanaan GST 0% dari Jun hingga Ogos 2018 melonjakkan permintaan dan menyokong peningkatan jualan. Kumpulan juga mendapat manfaat daripada perpindahan dan peralihan ke NDC baharu pada lewat Suku 2, diselesaikan sepenuhnya pada bulan Julai.

Perolehan lebih tinggi serta peningkatan margin menghasilkan Untung Kasar tambahan sebanyak hampir RM100 juta. Usaha berterusan Kumpulan untuk mencapai kecekapan lebih tinggi di sepanjang rantai bekalan di samping harga bahan mentah yang lebih rendah menyokong peningkatan margin.

Kumpulan menggiatkan lagi pelaburan ke dalam aktiviti promosi dan pemasaran, yang menyokong jualan yang lebih tinggi, dan ini dicerminkan oleh perbelanjaan operasi yang lebih tinggi pada suku tersebut. Hasil usaha ini, Untung Sebelum Cukai meningkat 29.4% daripada RM144.3 juta kepada RM186.7 juta, manakala Untung Selepas Cukai bertambah daripada RM119.0 juta kepada RM137.7 juta.

Prospek

En. Hofbauer berkata, “Berlandaskan unjuran tahun yang positif bagi ekonomi Malaysia, kami yakin bahawa pelaburan kami, termasuk NDC baharu dan rancangan penubuhan Pusat Kecemerlangan Pengilangan MILO global di Chembong, Negeri Sembilan, akan membolehkan kami mengekalkan momentum pertumbuhan kami yang kukuh, mampan dan menguntungkan.”

“Kami akan terus menawarkan produk yang lazat, berkhasiat dan bermutu tinggi pada nilai yang berpatutan kepada rakyat, berasaskan matlamat kami untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat. Dalam pada itu, kami mengekalkan tumpuan terhadap pengurusan kos proaktif dan penambahbaikan kecekapan berterusan di seluruh rangkaian nilai kami,” rumus beliau.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6012-304 7604 (Joanne) atau

+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my